

SULIT

SPSS/NOVEMBER2016/DPI1022



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : AQIDAH ISLAM (ISLAMIC THEOLOGY)
KOD KURSUS : DPI1022
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
BAHAGIAN D (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Betul/Salah
 - iii. Kertas Jawapan Objektif
 - iv. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 15 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Betul/Salah

1. Hakikat zat ketuhanan mungkin dapat dikenali oleh akal fikiran manusia
2. Di antara cara untuk kita mengenal Allah ialah dengan menggunakan akal fikiran dan memeriksa secara teliti apa-apa yang diciptakan Allah.
3. Kita diwajibkan beriman dan beramal dengan semua kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah.
4. Seseorang yang beriktikad bahawa ajaran Islam tidak sesuai dengan perkembangan zaman akan terbatal aqidahnya.
5. Sistem kepercayaan seseorang tidak memainkan peranan penting dalam mewarnai, mencorakkan dan menimbulkan motivasi dalam perkembangan kehidupan manusia.
6. Di antara kepentingan mengenali kitab ialah agar manusia sampai kepada taraf atau tahap kebendaan yang tinggi.
7. Manusia tidak wajib mengakui bahawa amalan-amalan yang dilakukannya adalah timbul dari kemahuan dan kehendaknya sendiri.
8. Jin tidak diperintahkan untuk mengerjakan syariat agama sebagaimana manusia
9. Kitab taurat yang ada sekarang merupakan karangan yang ditulis oleh lebih dari seorang penyusun dan ditulis di dalam masa-masa yang berlainan.
10. Rasul tidak semestinya seorang lelaki. Mungkin dari malaikat atau seorang perempuan.
11. Kita diwajibkan beriman dan beramal dengan semua kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah.

12. Beriman kepada hari akhirat tidak menjadi syarat sahnya iman seseorang itu.
13. Kehendak hamba tidak akan berlaku melainkan dengan kehendak Allah.
14. Manusia diatur secara terpaksa dan tiada pilihan.
15. Al-Muhaimin ialah Yang menguasai semua benda melalui kesempurnaan qudrat (kekuasaannya).
16. Jika kita ingin bertaubat kita perlu meminta maaf, menyesal dan membayar denda mengikut kadar tertentu.
17. Tauhid Rububiah ialah hanya Tuhan yang layak dan esa untuk disembah.
18. Di antara tanda qiamat besar ialah turunnya Nabi Isa.
19. Taqdir ialah semata –mata redha dengan perkara yang telah berlaku di dalam kehidupan ini.
20. Di antara kepentingan mengenali kitab ialah agar manusia sampai kepada taraf atau tahap kebendaan yang tinggi.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Berikut merupakan tujuan pengutusan Rasulullah kepada manusia **KECUALI**
 - A. Mengajak manusia mengesakan Allah serta menolak kesesatan
 - B. Membimbing manusia ke jalan yang benar dan mengamalkan cara hidup Islam.
 - C. Mempamerkan mujizat yang dikurniakan Allah kepada masyarakat
 - D. Menjadi qudwah hasanah serta membentuk akhlak mulia masyarakat
2. Berikut adalah tugas rasul **KECUALI**
 - A. Mengajar cara beribadat yang betul
 - B. Mendidik manusia mengenal pencipta
 - C. Menyampaikan wahyu secara terpilih
 - D. Mendidik manusia supaya berakh�ak
3. Pilih senarai rasul ulul azmi yang betul
 - A. Nabi Ibrahim, Nabi Idris, Nabi Ismail, Nabi Musa dan Nabi Muhammad
 - B. Nabi Ismail, Nabi Ibrahim, Nabi Isa, Nabi Musa dan Nabi Muhammad
 - C. Nabi Nuh, Nabi Adam, Nabi Isa, Nabi Musa dan Nabi Muhammad
 - D. Nabi Ibrahim, Nabi Nuh, Nabi Isa, Nabi Musa dan Nabi Muhammad
4. Manakah yang berikut adalah perkara yang akan ditempuhi oleh semua manusia pada hari kiamat?
 - i. Al-sirat
 - ii. Al-kauthar
 - iii. Al-hisab
 - iv. Al-mahsyar
 - A. i.ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

5. Antara berikut yang manakah perkara paling akhir ditempuhi oleh manusia sebelum ke neraka atau syurga?
- A. Al-sirat
B. Al-kauthar
C. Al-hisab
D. Al-mahsyar
6. Pilih kenyataan yang menunjukkan tanda-tanda akhir kiamat
- i. Matahari terbit dari sebelah timur ✓
ii. Turun Nabi Muhammad memberi peringatan ✓
iii. Keluar asap berkepul
iv. Lahir Imam Mahdi ✓
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. i, ii dan iii
D. iii dan iv
7. Kenyataan berikut manakah yang tidak ada kaitan dengan peranan akidah dalam pembangunan ummah
- A. Akidah dapat membina keperibadian ummah yang unggul
B. ✓ Akidah dapat membentuk halatuju ummah yang jelas
C. Akidah dapat melahirkan berbagai kefahaman Islam
D. Akidah dapat mengukuhkan kecemerlangan ilmu
8. Manakah pernyataan berikut merupakan kesan dari kemanisan iman?
- i. Patuh dan taat kepada semua perintah dan larangan Allah ✓
ii. Sentiasa berdakwah dan berjihad di jalan Allah ✓
iii. Memberi ketaatan dan kepimpinan kepada orang-orang mukmin
iv. Allah dan rasul paling dicintai berbanding sesuatu yang lain
- A. ✓ i, ii dan iii
B. i, iii dan iv
C. ii, iii dan iv
D. Semua di atas

9. Keperihatinan al-Quran terhadap hari akhirat adalah kerana beberapa faktor **KECUALI**
- A. Kaum musyrikin amat mengingkarinya.
 - B. Memberikan matlamat dan tujuan hidup yang jelas
 - C. Orang-orang Islam sendiri mengingkari kewujudan hari akhirat
 - D. Ahli kitab yang mempunyai gambaran yang salah tentang hari akhirat.
10. Pilih pernyataan yang **TEPAT** mengenai iman?
- A. Amalan buruk seseorang boleh membantalkan iman
 - B. Iman bersifat tetap, tidak bertambah dan berkurang
 - C. Memikir kejadian alam boleh memperteguhkan iman
 - D. Amalan baik tidak menggambarkan keimanan seseorang
11. Pencarian hakikat kehidupan sebagai fenomena fitrah bertuhan dapat dilihat menerusi aktiviti manusia yang berikut **KECUALI**
- A. Penciptaan pelbagai teori tentang asal usul alam
 - B. Menjalani peperiksaan dalam sesuatu kemahiran insaniah
 - C. Amalan-amalan ritual dan penyembahan terhadap kuasa ghaib
 - D. Mencari jalan penyelesaian dengan mengharapkan bantuan dari sesuatu keajaiban
12. Berikut adalah kaedah yang boleh membawa manusia meyakini kewujudan Allah **KECUALI**:
- A. Melalui logik akal
 - B. Melalui fitrah manusia
 - C. Melalui wahyu
 - D. Melalui meditasi
13. Apakah hikmah mengimani hari kiamat?
- i. Supaya manusia bekerja dengan lebih gigih dan tekun lagi
 - ii. Supaya manusia bermotivasi ke masjid dan meninggalkan kerja harian
 - iii. Supaya manusia sedar dan insaf bahawa alam ini akan musnah
 - iv. Supaya manusia tidak lagi bersemangat mencari harta dunia
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i dan iii
 - D. ii dan iii

14. Definasi Tauhid al-Asma' Wa al-Sifat mengandungi tiga asas **KECUALI**
- A. Menghafaz al-Asma al-Husna
 - B. Beriman dengan al-Asma' wa al-sifat yang sabit dalam Quran dan Sunnah
 - C. Menghentikan keinginan untuk mengetahui hakikat sifat Allah
 - D. Menyucikan Allah daripada penyerupaan dengan makhluk.
15. Perkara-perkara di bawah ini manusia tiada kuasa di dalamnya. Oleh itu qadarlah yang berperanan dalam semua perkara tersebut.
- i. Minda atau tahap cerdik atau bodoh ✓
 - ii. Masa atau detik kelahiran ✓
 - iii. Siapa ibu bapa yang melahirkannya ✓
 - iv. Membuat pilihan calun isteri
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv
16. Pilih pernyataan yang **SALAH** mengenai konsep menerima takdir Allah
- A. Menerima dengan reda apa yang telah ditakdirkan oleh Allah
 - B. Menerima takdir baik dan buruk dari Allah dengan sabar
 - C. Takdir Allah tidak boleh berubah dengan doa
 - D. Bersabar sekiranya Allah mentakdirkan sesuatu yang buruk
17. Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa senaman yoga yang bersistematik adalah haram diamalkan oleh orang Islam. Apakah elemen yang menyebabkan senaman tersebut bertentangan dengan Islam?
- i. Pemujaan
 - ii. Bacaan mentera
 - iii. Keberhalaan ✓
 - iv. Kesederhanaan
- A. I, ii dan iii
 - B. I, iii dan iv
 - C. II, iii dan iv
 - D. Semua di atas

18. Pilih kenyataan yang benar tentang hubungan antara akal, aqidah, wahyu dan iman dalam diri setiap mukmin

- i. Akal memerlukan wahyu untuk mencapai iman ✓
 - ii. Wahyu menyuburkan aqidah sehingga tidak tersesat ✓
 - iii. Dengan wahyu sahaja manusia boleh mencapai iman ✓
 - iv. Manusia boleh memilih sama ada menggunakan akal atau wahyu untuk mencapai iman ✗
- A. I sahaja
- B. I, ii dan iii
- C. II dan iii
- D. Semua di atas

19. Pernyataan berikut adalah BENAR mengenai qadar Allah **KECUALI**.

- A. Manusia boleh membuat pilihan samada jalan hidayah atau jalan kesesatan.
- B. Manusia akan dipertanggungjawabkan terhadap pilihannya.
- C. Manusia diberi kebebasan mutlak untuk memilih apa yang dikehendakinya.
- D. Kehendak manusia terletak dalam lingkungan kehendak Allah.

20. Pilih kenyataan yang **SALAH** berkaitan dengan persoalan taqdir

- A. Allah yang menciptakan segala sesuatu, oleh sebab itu Allah bebas memilih siapa pun makhluknya sesuai dengan apa yang telah dikehendakinya.
- B. Allah berhak merendahkan siapa saja yang dikehendakinya dengan menakdirkan ia menjadi orang yang hina dina.
- C. Allah tidak memberikan manusia pilihan di dalam menentukan hala tuju Kehidupan mereka kerana Allah berkuasa atas segala-galanya.
- D. Allah membuat kekenyangan di waktu manusia itu makan.

21. Seorang pencuri pernah ditanya di zaman Khalifah Omar: *Mengapa engkau mencuri?* Maka pencuri itu menjawab: “*Memang Allah telah menakdirkan demikian ini kepada diri ku*”. Pilih kenyataan yang **PALING TEPAT** untuk menjelaskan peristiwa di atas.

- A. Takdir sama sekali tidak boleh dianggap sebagai jalan untuk bertawakkal yang tidak sewajarnya, takdir dapat ditolak dengan takdir.
- B. Takdir diertikan sebagai suatu paksaan tuhan kepada seseorang hambanya.
- C. Takdir haruslah dianggap sebagai jalan untuk melaksanakan tujuan-tujuan yang baik.
- D. Takdir merupakan suatu kekuatan yang dapat membangkitkan semangat berusaha.

22. Berikut ialah asas-asas akidah Islam yang telah dibina oleh rasulullah S.A.W.

KECUALI

- A. Keyakinan kewujudan Allah
- B. Keyakinan kepada para rasul yang diutus ke muka bumi
- C. Keyakinan kepada makhluk-makhluk halus ciptaan Allah
- D. Keyakinan dengan taqdir dan ketetapan Allah.

23. Penyataan di bawah ini adalah kesan daripada keimanan kepada takdir

KECUALI

- A. Kekuatan dan kecekapan manusia dapat mencapai pengertian bahawa adanya peraturan dan ketentuan tuhan.
- B. Memberikan pelajaran kepada manusia bahawa segala yang ada di alam ini berjalan dengan kebijaksanaan yang telah digariskan oleh Allah.
- C. Memberikan motivasi kepada manusia untuk meninggalkan aktiviti keduniaan dan menumpukan kepada masa depan yang sebenarnya iaitu hari akhirat.
- D. Tiada satu penyataan pun yang bersesuaian dengan kehendak soalan

24. Di bawah ini ialah pendekatan amali untuk membugarkan tauhid Rububiyyah

- i. Amalan bertafakkur melihat keindahan alam.
- ii. Lawatan dan bersiar-siar untuk menghayati dan memikirkan keagungan ciptaan Allah.
- iii. Menyaksikan dokumentari tentang dunia laut, gempa bumi, gunung berapi dan angkasaraya.
- iv. Wajib mengikhlaskan kecintaan dan pengabdian hanya kepada Allah.

- A. i, ii dan iii
- B. ii, iii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

25. Konsep beriman kepada Allah termasuklah meyakini tauhid rububiah. Manakah di antara berikut terkandung dalam maksud tauhid rububiah?

- i. Percaya bahawa hanya Allah yang layak di sembah dan diminta pertolongan
- ii. Percaya hanya Allah yang memiliki nama dan sifat mulia
- iii. Percaya hanya Allah yang maha berkuasa dan maha Esa
- iv. Percaya hanya Allah, Tuhan pencipta, pemelihara dan pemberi rezeki

- A. i dan ii
- B. ii, iii dan iv
- C. iii dan iv
- D. Semua di atas

26. Mengapa manusia memerlukan rasul dalam kehidupan mereka?

- i. Rasul yang menyampaikan agama Allah secara teori dan amali
 - ii. Agama budaya tidak memerlukan rasul-rasul kerana manusia yang mengasaskannya adalah manusia biasa.
 - iii. Manusia tidak mampu berdikari dengan akalnya secara bersendirian dalam hal-hal tertentu seperti metafizik dan akhlak.
 - iv. Fitrah manusia menyebabkan manusia memerlukan agama dan agama yang benar hanya boleh didapati daripada pengutusan rasul.
- A. i, ii dan iii
- B. i, iii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

27. Perbincangan mengenai hari kiamat merupakan tajuk penting dalam persoalan aqidah. Bagaimanakah akidah seseorang muslim boleh terbatal berdasarkan pernyataan di bawah?

- i. Mengatakan kiamat tidak mungkin berlaku ✓
 - ii. Meyakini ramalan kiamat akan berlaku pada 2020 ✓
 - iii. Mempercayai kiamat belum pasti berlaku pada 2020
 - iv. Mengimani bahawa dunia berada di ambang kiamat
- A. I dan ii
- B. I dan iii
- C. II dan iii
- D. II, iii dan iv

28. Pilih kenyataan yang **BENAR** mengenai konsep beriman kepada kitab-kitab suci
- Meyakini dan mengamalkan ajaran semua kitab yang diturunkan
 - Mempercayai semua kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah
 - Mempelajari, memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran ✓
 - Membaca al-Quran mendapat pahala sama seperti membaca kitab-kitab lain
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. Semua di atas
29. Berikut merupakan keistimewaan-keistimewaan Al-Quran yang membezakannya dengan kitab-kitab suci yang lain **KECUALI**
- Al-Quran memuatkan ringkasan dari ajaran-ajaran ketuhanan yang pernah dimuatkan oleh kitab-kitab suci sebelumnya.
 - Ajaran-ajaran dalam Quran merupakan kalimat Allah yang terakhir untuk memberikan petunjuk dan pimpinan yang benar kepada umat manusia.
 - Al-Quran diturunkan di dalam bahasa arab supaya susah untuk difahami manusia. ✓
 - Al-Quran adalah kitab suci yang kekal sehingga hari qiamat dan tidak akan berlaku pertentangan antara sains dan Quran.
30. Gejala keruntuhan akhlak remaja muslim masa kini adalah isu utama yang menjadi topik perbincangan hangat di Negara kita. Apakah faktor **UTAMA** yang menyumbang kepada fenomena tersebut?
- Pengaruh persekitaran
 - Budaya hedonism yang keterlaluan
 - Luntur kekuatan iman
 - Kurangnya pemantauan dari ibubapa ✓

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab **TIGA SOALAN SAHAJA** di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan pengertian Aqidah Islam dari segi kefahaman anda
(2 Markah)
- b. Orang Melayu di Malaysia amat beruntung kerana telah menganut Islam semenjak dilahirkan lagi, bahkan di dalam perlembagaan Malaysia telah menjelaskan bahawa orang melayu itu ialah beragama Islam, berbahasa melayu dan berbudaya melayu. Persoalannya apakah erti kita menganut Islam atau memeluk Islam ini. Jelaskan.
(2 Markah)
- c. Aqidah Islam itu mempunyai ciri dan keistimewaan yang tersendiri yang mana ia membuktikan kesucian dan keluhurannya. Huraikan keistimewaan Aqidah Islam tersebut.
(4 Markah)
- d. Jelaskan pandangan atau pendapat ahli sains terhadap agama dan unsur-unsurnya.
(2 Markah)

SOALAN 2

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan tauhid Uluhiah dan Rububiah?
(2 Markah)
- b. Jelaskan pengertian iman dan kepentingannya.
(2 Markah)
- c. Huraikan buah-buah keimanan atau kesan-kesan keimanan kepada manusia apabila seseorang itu benar-benar bermakrifat kepada tuhannya.
(3 markah)

- d. Di antara faktor yang penting menyebabkan masalah sosial di Negara kita ialah keruntuhan sistem kepercayaan berpaksikan kepada tauhid dan juga system nilai. Anda dikehendaki menghuraikan bagaimanakah kita mahu membina dan mengukuhkan aqidah ini dalam kehidupan manusia.

(3 Markah)

SOALAN 3

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan Qadar?
(2 Markah)
- b. Jelaskan hukum beriman dengan qadar berserta dengan dalil naqli
(2 Markah)
- c. Sebutkan tiga hikmah keimanan dengan qadar
(3 Markah)
- d. Nyatakan pendapat golongan Muktazilah dan Asyariah tentang perbuatan hamba.
(3 Markah)

SOALAN 4

- a. Senaraikan **TIGA (3)** prinsip-prinsip asas Aqidah Islam yang anda faham .
(3 Markah)
- b. Jelaskan **DUA (2)** peranan Aqidah Islam di dalam sektor perbankan Islam.
(4 Markah)
- c. Anda diminta berikan **TIGA (3)** contoh bagaimana kepercayaan Aqidah Islamiah memberikan kesan yang terang dan manfaat yang jelas kepada kehidupan individu (3 Markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN D

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **DUA SOALAN SAHAJA** di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan bagaimana keimanan kita pada sifat-sifat Allah ini membawa kita mencapai tahap jiwa dan roh yang tertinggi beserta contoh.

(10 Markah)

SOALAN 2

Secara zahirnya manusia adalah lebih mulia daripada malaikat. Jelaskan.

(10 Markah)

SOALAN 3

Jelaskan **TIGA (3)** persamaan antara manusia dan jin.

(10 Markah)

SOALAN 4

Jelaskan **TIGA (3)** keistimewaan Al-Quran berbanding kitab-kitab lain.

(10 Markah)

SOALAN 5

Di dalam al-Quran surah an-Nahl Allah berfirman " Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakinya dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya." Di dalam ayat tersebut seolah-olah manusia tidak mempunyai kebebasan untuk memilih. Anda dikehendaki menjelaskan konsep sebenar Islam di dalam masalah kebebasan dan kehendak manusia.

(10 Markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

